



| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|-------------|------------------|----|----|-------------------|---|----|-----------------------|-------|-----------------------|--|--|--------------------------|--|--|----|---------------|-------------|-----|----------------------------|----|
| <p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Keterangan Produk ini sebelum tuan/puan membuat keputusan untuk memohon kemudahan Sewa Beli-i ini Pastikan juga tuan/puan membaca terma dan syarat dalam Borang Permohonan, Perjanjian Sewa Beli dan Aqad. Maklumat yang disediakan dalam ini hanyalah maklumat am produk. Sila dapatkan penjelasan daripada Public Islamic Bank Berhad jika tuan/puan tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma amnya.</p> | <p>PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD 197301001433 (14328-V)</p> <p>Sewa Beli-i AITAB</p> <p>Kemudahan yang Disediakan: <input type="checkbox"/> Barang Berjadual <input type="checkbox"/> Barang Tidak Berjadual</p> <p>Tarikh:</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <p>1. Apakah produk ini?</p> <p>Sewa Beli-i adalah kemudahan pembiayaan sebahagian atau sepenuhnya kenderaan bermotor melalui pembiayaan kenderaan bermotor (Barang) oleh Penyewa (tuan/puan) daripada Pemilik (Bank). Operasi pembiayaan dikawal oleh Akta Sewa Beli 1967.</p> <p>Apabila kemudahan diluluskan, tuan/puan akan memeterai Perjanjian Sewa Beli dan Aqad dengan Bank. Bank akan menyewa Barang yang dikehendaki untuk tuan/puan untuk satu tempoh dan amaun ansuran yang dipersetujui dan anda akan mengusahakan untuk membeli dan mengambil hak milik Barang tersebut apabila ansuran terakhir dibayar. Keuntungan atas kemudahan itu akan dicaj pada kadar tetap. Penyewaan itu akan berakhir apabila kontrak penyewaan itu tamat.</p> <p>Apabila pembayaran akhir dibuat yang merangkumi harga jual Barang, pemilikan Barang akan dipindahkan kepada tuan/puan. Sekiranya berlaku kemungkiran dalam bayaran ansuran, Bank akan memetai kontrak jualan kedua bagi pihak tuan/puan untuk menuntut harga belian kontrak jualan kedua berdasarkan formula harga beli yang dipersetujui.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <p>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Al-Ijarah Thumma Al-Bai'</i> (AITAB) iaitu kontrak pajakan (<i>Ijarah</i>) diikuti dengan jualan/pembelian (<i>al Bai'</i>). Pelanggan bersetuju untuk memajak Barang daripada Bank pada harga sewa yang dipersetujui dalam tempoh tertentu dan apabila tempohnya tamat, pelanggan hendaklah memeterai kontrak jualan untuk membeli Barang itu daripada Bank pada harga yang dipersetujui. • <i>Wa'd</i> - Janji satu pihak (unilateral) yang merujuk pada pernyataan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <p>3. Apakah yang saya dapat daripada produk ini?</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 5%;">a)</td> <td style="width: 75%;">Amaun Pembiayaan</td> <td style="width: 20%;">RM</td> </tr> <tr> <td>b)</td> <td>Margin Pembiayaan</td> <td>%</td> </tr> <tr> <td>c)</td> <td>Tempoh Masa Penyewaan</td> <td>bulan</td> </tr> <tr> <td colspan="3">Caj Bertempoh:</td> </tr> <tr> <td colspan="3">Untuk kadar tetap</td> </tr> <tr> <td>i)</td> <td>Kadar setahun</td> <td>% sama rata</td> </tr> <tr> <td>ii)</td> <td>Jumlah amaun caj bertempoh</td> <td>RM</td> </tr> </table> | | a) | Amaun Pembiayaan | RM | b) | Margin Pembiayaan | % | c) | Tempoh Masa Penyewaan | bulan | Caj Bertempoh: | | | Untuk kadar tetap | | | i) | Kadar setahun | % sama rata | ii) | Jumlah amaun caj bertempoh | RM |
| a) | Amaun Pembiayaan | RM | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| b) | Margin Pembiayaan | % | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| c) | Tempoh Masa Penyewaan | bulan | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Caj Bertempoh: | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Untuk kadar tetap | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| i) | Kadar setahun | % sama rata | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| ii) | Jumlah amaun caj bertempoh | RM | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |



4. Apakah obligasi saya?

- a) Ansuran Bulanan* RM _____ untuk tempoh selama _____ bulan
- b) Ansuran Terakhir**
- c) Jumlah Pembayaran pada akhir _____ bulan ialah: RM _____

Nota:

* Bagi mengelakkan keraguan, Deposit yang dibayar oleh Pelanggan kepada penjual/wakil penjual sebelum pemeteraian Perjanjian Sewa Beli dan Aqad akan mengecualikan pembayaran sumbangan/premium insurans Takaful (jika ada) untuk tahun pertama.

** Termasuk RM1.00 sebagai harga jual

5. Adakah saya memerlukan penjamin/cagaran?

| | |
|-----------------------------|---------------------------------|
| <u>Penjamin diperlukan:</u> | |
| <input type="checkbox"/> | Ya |
| <input type="checkbox"/> | Tidak |
| <input type="checkbox"/> | Tertakluk pada terma dan syarat |
| <u>Cagaran diperlukan:</u> | |
| <input type="checkbox"/> | Ya |
| <input type="checkbox"/> | Tidak |
| <input type="checkbox"/> | Tertakluk pada terma dan syarat |

6. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

| Bil. | Jenis Caj | Amaun |
|------|--|-------------------------------|
| 1. | Dapatan kembali dokumen: <ul style="list-style-type: none"> Antara cawangan Daripada stor luar | RM10.00 RM20.00 |
| 2. | Pindahan kemudahan daripada cawangan pemegang akaun asal ke cawangan yang dipilih | RM100.00 bagi setiap pindahan |
| 3. | Pengeluaran salinan Pelepasan Tuntutan Hak Milik | RM100.00 setiap salinan |
| 4. | Pengeluaran Surat Kebenaran kepada JPJ bagi pertukaran enjin kenderaan | RM50.00 setiap surat |
| 5. | Pengeluaran Surat kepada JPJ bagi pengeluaran salinan kad pendaftaran kenderaan | RM50.00 setiap surat |
| 6. | Pengeluaran Surat kepada JPJ bagi saling tukar nombor pendaftaran | RM50.00 setiap surat |
| 7. | Pengeluaran Surat Kebenaran kepada Jabatan Kastam dan Eksais | RM20.00 setiap surat |
| 8. | Salinan Perjanjian Sewa Beli | RM10.00 setiap salinan |



6. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?, sambungan

| Bil. | Jenis Caj | Amaun |
|------|--|---|
| 9. | <u>Untuk kenderaan baharu/kenderaan dipulih yang diimport</u> | |
| | <ul style="list-style-type: none"> • Caj pemilikan, pendaftaran dan pengendalian <ul style="list-style-type: none"> ○ Caj pengangkutan bagi: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyeteman Perjanjian Sewa Beli di Pejabat Penyeteman ▪ Perkhidmatan Kurier • Caj fotostat • Caj pengeposan • Caj faks dan telefon • Fi urusan e-Hakmilik bagi: <ul style="list-style-type: none"> ○ Pendaftaran Tuntutan Hak milik ○ Permohonan Pertukaran | <p>RM50.00</p> <p>RM10.00</p> <p>RM10.00</p> <p>RM10.00</p> <p>RM15.00</p> <p>RM3.00</p> <p>RM3.00</p> |
| 10. | <u>Untuk kenderaan terpakai</u> | |
| | <ul style="list-style-type: none"> • Caj pengangkutan: <ul style="list-style-type: none"> ○ Pendaftaran dan pindahan ○ Tebus milik/Pejabat Penyeteman ○ Penyelesaian dengan Syarikat Kewangan lain ○ Perkhidmatan Kurier • Bayaran fotostat • Bayaran pengeposan • Kos gambar (diterima pakai bagi kenderaan yang dibeli daripada bukan penjual kereta) • Bayaran faks dan telefon • Penyelesaian dengan Syarikat Kewangan lain • Bayaran pengangkutan bagi pemeriksaan kenderaan yang dibuat jauh dari cawangan • Pemeriksaan kenderaan antara cawangan • Fi urusan e-Hakmilik bagi: <ul style="list-style-type: none"> ○ Pendaftaran Tuntutan Hak milik ○ Permohonan pertukaran | <p>RM10.00</p> <p>RM10.00</p> <p>RM15.00</p> <p>RM10.00</p> <p>RM10.00</p> <p>RM10.00</p> <p>RM15.00</p> <p>RM30.00</p> <p>RM10.00 setiap pemeriksaan</p> <p>RM50.00 setiap pemeriksaan</p> <p>RM3.00</p> <p>RM3.00</p> |

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami di www.publicislamicbank.com.my.



7. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya gagal memenuhi obligasi saya?

Caj Ganti Rugi

- a) Untuk pembayaran mungkir semasa tempoh kemudahan: Sehingga 1% setahun atas amaun ansuran lampau tempoh;
- b) Untuk pembayaran mungkir yang mengakibatkan kemudahan ditamatkan atau di bawa ke mahkamah: Sehingga 1% setahun atas baki lampau tempoh (amaun pokok lampau tempoh campur keuntungan terakru);
- c) Untuk pembayaran mungkir selepas tamat tempoh kemudahan: Kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam ("IIMM") atas baki lampau tempoh (amaun pokok lampau tempoh campur keuntungan terakru); dan
- d) Untuk pembayaran lampau tempoh pasca penilaian: Kadar IIMM atas jumlah penilaian asas.

Nota:

- (i) Caj ganti rugi hendaklah tidak terkompoun dan hendaklah tidak melebihi amaun pokok lampau tempoh.*
- (ii) Kaedah dan kadar caj terkompoun tertakluk pada perubahan seperti yang boleh ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.*
- (iii) Caj terkompoun dikira atas dasar harian dari tarikh lampau tempoh pembayaran/tarikh matang/tarikh penilaian.*

Bank berhak untuk menolak selesai apa-apa baki kredit dalam akaun anda yang disenggara dengan kami terhadap apa-apa baki tertunggak dalam akaun pembiayaan ini dengan memberi notis terlebih dahulu selama tujuh (7) hari kalendar.

Jika tempoh pembiayaan berlanjutan sehingga persaraan, anda perlu memaklumkan kepada kami mengenai rancangan anda untuk membuat bayaran bulanan selepas persaraan anda.

Anda perlu memberi kepada kami semua maklumat yang berkaitan, berkenaan dengan pembiayaan yang diambil daripada semua institusi kewangan, koperasi, persatuan pembinaan, syarikat kredit dan saudagar yang menyediakan jualan kredit dsbnya. dan memaklumkan sepenuhnya dan setepatnya maklumat penting yang mempengaruhi keputusan kami. Jika anda gagal untuk memberi maklumat penting dan betul dalam permohonan pembiayaan dan kegagalan untuk memberi maklumat yang lengkap dan betul mungkin menyebabkan kadar pembiayaan yang lebih tinggi atau permohonan pembiayaan anda ditolak.

Kontrak Jualan Kedua

Sekiranya berlaku kemungkiran, Bank berhak untuk memeterai kontrak jualan kedua bagi pihak tuan/puan untuk membeli Barang dan formula bagi Harga Beli boleh didapati dalam Aku Janji Pembelian apabila tuan/puan memeterai Perjanjian Sewa Beli dan Aqad.

Mekanisme Kemungkiran

Bank mempunyai hak untuk mengambil balik barang berkenaan sekiranya penyewa mungkir untuk membayar dua (2) ansuran berturut-turut atau ansuran terakhir.

Satu Notis Niat Untuk Memiliki Semula (Jadual Keempat) selama dua puluh satu (21) hari akan disampaikan kepada penyewa dan penjamin (jika ada) melalui pos berdaftar ke alamat terakhir yang diketahui. Ini akan diikuti dengan notis kedua yang menyatakan niat Bank untuk mengambil balik barang berkenaan, empat belas (14) hari selepas notis Jadual Keempat dihantar. Bagi Barang Berjadual, perintah mahkamah akan diperoleh terlebih dahulu sebelum notis Jadual Keempat disampaikan kepada penyewa dan penjamin (jika ada) sekiranya penyewa telah membayar ansuran lebih 75% daripada keseluruhan harga tunai barang.



7. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya gagal memenuhi obligasi saya?, sambungan

Sebelum tamat tempoh dua puluh satu (21) hari seperti yang tercatat dalam notis Jadual Keempat, penyewa mesti mengambil langkah-langkah yang berikut bagi mengelakkan barang berkenaan daripada diambil balik:

- a) Membayar amaun yang tertunggak yang tercatat di dalam notis dalam Jadual Keempat, atau
- b) Memulangkan barang tersebut kepada Bank untuk dilupuskan dan membayar jumlah kekurangan, jika ada.

Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal untuk mengambil langkah-langkah yang perlu terhadap notis peringatan tersebut dan anda perlu menanggung semua kos guaman. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan apa-apa kekurangan selepas barang anda dijual.

Tindakan undang-undang terhadap anda akan menjejaskan penarafan kredit anda yang menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau lebih tinggi untuk anda.

8. Apa berlaku sekiranya saya menyelesaikan Sewa Beli-i AITAB sebelum tempoh matang?

Tuan/Puan berhak mendapat rebat berkanun (Ibra') bagi tempoh penyewaan belum tamat tempoh, yang akan dikira menurut formula yang berikut:

$$R = TC \times \frac{n(n+1)}{N(N+1)}$$

yang mana,

- R Mewakili rebat keuntungan
TC Mewakili jumlah amaun caj bertempoh sepanjang tempoh kemudahan
n Mewakili baki tempoh kemudahan yang dinyatakan dalam bulan
N Mewakili tempoh kemudahan asal yang dinyatakan dalam bulan

9. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans/Takaful?

- a) Ya, tuan/puan hendaklah memastikan dan menyebabkan Barang tersebut dilindungi di bawah perlindungan Takaful yang komprehensif dan perlindungan Takaful tambahan terhadap kebakaran, kemalangan, kecurian, dan apa-apa peristiwa *force majeure* yang diakibatkan oleh bencana alam seperti banjir, taufan, *hurricane*, ribut, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh dan risiko lain seumpamanya seperti yang akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa, semasa tempoh kemudahan Sewa Beli-i. Kegagalan untuk mendapatkan perlindungan Takaful bagi tujuan yang dinyatakan di atas akan dianggap sebagai kecuaiian di pihak tuan/puan.
- b) Barang boleh dilindungi di bawah perlindungan insurans konvensional yang komprehensif, sekiranya:
 - Tiada perlindungan Takaful ditawarkan atau disediakan di pasaran untuk Barang;
 - Permohonan tuan/puan untuk perlindungan Takaful untuk Barang ditolak oleh semua pengendali Takaful; atau
 - Premium insurans ketara lebih kompetitif daripada caruman Takaful bagi perlindungan yang sama.



10. Apakah risiko utamanya?

- Kadar caj bertempoh ditetapkan bagi tempoh keseluruhan dan tidak terjejas oleh turun naik pasaran.
- Sekiranya tuan/puan menghadapi kesulitan dalam memenuhi obligasi tuan/puan, sila hubungi kami segera untuk berbincang mengenai pilihan pembayaran lain. Ini bagi mengelakkan tindakan undang-undang terhadap tuan/puan sekiranya tuan/puan tidak dapat membayar ansuran tuan/puan.

11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami (notis bertulis hendaklah dihantar ke cawangan pemegang akaun) mengenai apa-apa perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda pada waktunya.

12. Apakah implikasi ke atas kemudahan sewa beli-i sekiranya penyewa meninggal dunia semasa tempoh pembiayaan?

Hak, hak milik dan kepentingan penyewa di bawah Perjanjian Sewa Beli boleh dipindahkan melalui penguatkuasaan undang-undang kepada wakil peribadi penyewa, sekiranya penyewa meninggal dunia. Bagaimanapun, wakil peribadi penyewa **tidak dikecualikan** daripada mematuhi peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Perjanjian Sewa Beli. Dalam keadaan sedemikian, Bank tidak akan melaksanakan haknya untuk mengambil balik barang berkenaan melainkan berlaku empat (4) kali kemungkinan ansuran berturut-turut.

13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?

- Sokongan anda amat dihargai dan kami amat gembira untuk terus memberi perkhidmatan kepada anda. Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan atau kesukaran untuk membuat pembayaran, anda boleh menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk berbincang mengenai pilihan pembayaran di:

Public Islamic Bank Berhad
Tingkat 25, Menara Public Bank
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Telefon : 1-800-22-5555
Faks : 03-2163 6411
E-mel : islamicbkg@publicislamicbank.com.my
Laman Web : <https://www.publicislamicbank.com.my>

- Selain daripada itu, anda juga boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, penasihat kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2616 7766
E-mel : enquiry@akpk.org.my



13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?, sambungan

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami berikan, anda boleh menghubungi kami di:

Public Islamic Bank Berhad
Tingkat 25, Menara Public Bank
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Telefon : 1-800-22-5555
Faks : 03-2163 6411
E-mel : islamicbkg@publicislamicbank.com.my
Laman Web : <https://www.publicislamicbank.com.my>

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak dapat kami selesaikan dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur

Telefon : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

14. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Sewa Beli-i AITAB, sila rujuk kepada laman web melalui www.bankinginfo.com.my.

NOTA PENTING

1. **BARANG ANDA MUNGKIN DIAMBIL BALIK JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN SEWA BELI-i AITAB ANDA**. Jika anda menghadapi masalah untuk membayar pembiayaan anda, hubungi kami dengan segera untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.
2. Butiran di atas hanyalah untuk tujuan perbincangan semata-mata, caj bertempoh dan fi/caj mungkin berubah dan tertakluk pada terma dan syarat Bank.
3. Apa-apa rujukan yang dibuat pada Akta Sewa Beli, 1967 dan peruntukannya tidak diterima pakai bagi Barang Tidak Berjadual.
4. Maklumat yang diberi dalam lembaran pendedahan ini sah pada tarikh yang dinyatakan di dalam ini.

Jika terdapat pertikaian atau percanggahan antara teks Bahasa Inggeris dengan terjemahan Bahasa Malaysia di dalam ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.



Dengan ini saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami maklumat yang dinyatakan dalam lembaran pendedahan ini dan telah diberi satu salinan untuk rujukan sendiri.

Tandatangan Pelanggan: _____

Tarikh: _____

Tandatangan/Tarikh: _____

Nama Pegawai/Pegawai Pemasaran: _____

- Saya mengesahkan bahawa sesalinan lembaran pendedahan produk ini telah diberi dan dijelaskan kepada pemohon.